

Singapura harus buktikan tuduhan bantahan Malaysia

UM 13 APR 2002

KOTA BHARU 12 April — Singapura harus membuktikan tuduhannya bahawa bantahan Malaysia tidak berasas berhubung kesan negatif daripada kerja-kerja penambakan di Selat Johor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini kerana kerja-kerja berkenaan ternyata menjejaskan kepentingan negara ini.

“Dia kata (bantahan) kita tidak berasas, dia kena tunjuk macam mana dia tahu (bantahan) kita tidak berasas sedangkan kita tahu kita (ada) asas dalam membuat bantahan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dan dialog dengan pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan di Kampus Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan bahawa Singapura memandang berat bantahan Malaysia mengenai aktiviti penambakan tersebut.

Menurut laporan *Bernama*, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong seperti dipetik dari edisi online *Channel News Asia* berkata? Singapura akan menangani kebimbangan Malaysia itu tetapi tidak pasti apa yang dikhuatiri sama ada kualiti air, pendapatan nelayan atau perubahan sempadan.

Chok Tong berkata, Menteri Pembangunan Negara, Mah Bow Tan memberi jaminan kepada beliau bahawa tidak ada langsung asas dalam bantahan Malaysia itu.

Dalam kata lain, menurut Chok Tong tidak ada kesan besar atau buruk kepada Malaysia akibat daripada kerja penambakan yang se-

dang dijalankan oleh Singapura.

Ditanya mengenai kenyataan Chok Tong bahawa Singapura telah memberi jawapan balas kepada cadangan terbaru Malaysia mengenai pakej penyelesaian isu dua hala, Dr. Mahathir berkata: “Saya belum terima (jawapan balas itu).”

Menurut Perdana Menteri, Malaysia telah membuat cadangan lain kepada Singapura berhubung pakej berkenaan dan ketika ini sedang menanti jawapan balas dari republik tersebut.

Surat

Dr. Mahathir menjelaskan, setakat ini beliau hanya menerima surat daripada Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew yang menyatakan bahawa surat yang dihantar oleh beliau (Dr. Mahathir) berhubung pakej berkenaan mempunyai perkara baru dan mereka perlu mengkaji cadangan yang dibuat oleh Malaysia.

Malaysia dan Singapura berdepan dengan beberapa isu tertunggak termasuklah isu perjanjian bekalan air dari Malaysia, pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Bhd. di republik itu, penggunaan ruang udara Malaysia oleh pihak tentera udara Singapura serta soal berkaitan pusat pemeriksaan kastam dan Imigresen Malaysia di republik itu.

Kepada satu soalan lain, Dr. Mahathir berkata, Malaysia kini mampu mengeluarkan beberapa senjata seperti senapang dan rifel termasuk peluru ‘secara seratus peratus’ bagi keperluan sendiri.

“Sekarang ini kapal terbang kecil pun kita boleh buat. Banyak yang sekarang ini kita peroleh sendiri. Ka-

pal perang pun... setelah dua kapal peronda yang pertama dibuat di Jerman, kita akan buat sendiri di sini.

“Jadi sedikit demi sedikit kita sedang menguasai ilmu dan juga kebolehan, kemampuan untuk mengeluarkan senjata kita sendiri,” katanya.

Terdahulu, semasa mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai kerajaan Persekutuan, Dr. Mahathir berkata, kerajaan sedang meningkatkan keupayaan pertahanan dan persenjataan bagi kepentingan negara menentang musuh.

Katanya, kerajaan sedang dalam proses membeli beberapa senjata dan kelengkapan tentera yang moden dari negara-negara asing seperti pembelian kereta kebal dari Poland.

Beliau berkata, pembelian itu juga menguntungkan Malaysia bagi jangka panjang kerana negara-negara penjual itu turut bersetuju untuk memindahkan teknologi persenjataan yang mereka miliki kepada negara ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun pada asasnya kerajaan tidak menyediakan peruntukan tinggi bagi membeli senjata canggih dan moden tetapi pertahanan negara pada masa ini masih boleh dibanggakan dan mampu menangkis serangan musuh.

“Walaupun kita hanya membeli senjata bagi tujuan pertahanan sekadar yang kita mampu, tetapi bak kata orang putih, sekurangnya kurangnya (kepada) musuh-musuh yang ingin menyerang... kita berjanji, we will give him a bloody nose (kita pastikan dia juga terima akibatnya),” katanya.